



DR 7 TAHUN 2014  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PENGURUSAN PELABURAN HARTANAH  
LUAR NEGARA**

**- Kementerian Kewangan  
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b><u>BIL</u></b>	<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKASURAT</u></b>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara	1
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	8
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 20/2014 pada Rabu 11 Jun 2014	9
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 20/2014 pada Rabu 11 Jun 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**

# **LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PENGURUSAN PELABURAN HARTANAH LUAR NEGARA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

## **1. LATAR BELAKANG**

1.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1951 sebagai skim persaraan wajib dan dikawal selia oleh Kementerian Kewangan. Mulai 1 Jun 1991, Ordinan ini telah dipinda dan diganti dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452). Fungsi KWSP adalah untuk menerima caruman, memproses pengeluaran kepada ahli atau waris yang layak serta melaburkan wang untuk kepentingan ahli.

1.2 KWSP telah melaksanakan pelaburan luar negara berdasarkan alokasi aset strategik yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sebarang cadangan pelaburan perlu melalui Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pelaburan sebelum diluluskan oleh Panel Pelaburan.

1.3 Sehingga 31 Disember 2013, pelaburan KWSP adalah berjumlah RM586.66 bilion di mana sejumlah RM118.30 bilion atau 20.2% adalah merupakan pelaburan luar negara. KWSP telah melabur di luar negara dengan kelulusan Kementerian Kewangan berdasarkan justifikasi berikut:

- a. Mengambil tawaran peluang diversifikasi pulangan dan risiko pelaburan yang luas;
- b. Pertumbuhan aset pada kadar lebih cepat yang menghadkan peluang pelaburan dalam pasaran tempatan;
- c. Tiada penjejasan terhadap pelaburan domestik yang masih dikekalkan;
- d. Menyumbang kepada pulangan pendapatan lebih tinggi yang dapat meningkatkan kadar dividen tahunan; dan
- e. Pelaburan dalam aset dengan kecairan yang lebih baik dalam pasaran luar negara.

1.4 Daripada jumlah pelaburan luar negara tahun 2013, sebanyak RM6.46 bilion atau 5.5% adalah disumbang oleh pelaburan hartanah dan infrastruktur. Objektif pelaburan hartanah luar negara adalah untuk menjana pulangan pelaburan yang optimum dan jenis hartanah yang dilabur merangkumi bangunan pejabat, hospital, *retail* dan logistik. Alokasi pelaburan mengikut negara yang dilabur adalah seperti berikut:

- a. United Kingdom -RM4.06 bilion
- b. Australia - RM1.55 bilion
- c. Singapura - RM0.55 bilion
- d. Eropah - RM0.30 bilion

1.5 Pelaburan hartanah Australia tahun 2013 berjumlah RM1.55 bilion telah menjana pendapatan pelaburan sebanyak RM0.07 bilion. Struktur pelaburan hartanah di Australia adalah merangkumi:

- a. Pelaburan usahasama antara KWSP dan Goodman Group yang meliputi 11 hartanah gudang/logistik.
- b. Pelaburan melalui syarikat subsidiari KWASA Australia Trust Ltd. iaitu satu hartanah pejabat di Canberra.
- c. Pelaburan melalui dana CIMB Trust Capital Australian Office Fund melibatkan empat hartanah pejabat di Melbourne, Brisbane dan Canberra.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

PAC telah membincangkan isu mengenai pengurusan pelaburan hartanah luar negara KWSP di Australia dengan khususnya mengenai operasi, fungsi dan pengurusan risiko yang digunapakai untuk memastikan bahawa tiada kemungkinan berlaku kerugian pelaburan.

### 3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Menjemput Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan (BBP) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan.
- b. Memanggil pihak KWSP untuk memberi penerangan dan penjelasan mengenai pelaburan hartanah di Australia yang telah dilaksanakan. Wakil KWSP adalah Datuk Shahril Ridza Bin Ridzuan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Tuan Haji Md. Jafar Abdul Carrim, Pengerusi Jawatankuasa Audit.
- c. Wakil Kementerian Kewangan adalah Ybhg. Dato' Fauziah Yaacob, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

### 4. HASIL PERBINCANGAN

4.1 Sesi perbincangan dimulakan melalui makluman oleh PAC bahawa perbincangan dibuat untuk meneliti lebih lanjut fungsi KWSP dalam menguruskan wang simpanan rakyat dan kedudukan pelaburan hartanah luar negara.

4.2 Pengarah Sektor Audit BBP memaklumkan mesyuarat pelaburan yang dibuat KWSP terhadap hartanah luar negara dalam tahun 2013 berjumlah RM14.36 bilion dengan pendapatan pelaburan kasar diperolehi berjumlah RM1.14 bilion terdiri daripada hartanah domestik, hartanah luar negara dan infrastruktur. Mesyuarat juga dimaklumkan transaksi pelaburan luar negara KWSP perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan dan kemudiannya dibentang kepada Panel Pelaburan KWSP.

4.3 PAC membangkitkan pertanyaan mengenai prestasi KWSP yang ditetapkan oleh Perbendaharaan untuk dijadikan sebagai *Key Performance Indicators* (KPI) sama ada KPI yang dicapai adalah lebih rendah daripada yang ditetapkan. Pihak Audit menjelaskan prestasi KWSP masih dalam julat KPI yang dibenarkan.

4.4 Pengarah Sektor Audit BBP menjelaskan pelaburan hartanah KWSP telah meningkat sebanyak 10% manakala pendapatan pelaburan pula meningkat sebanyak 91%. Selain itu, Pengarah Sektor Audit BBP juga turut membentangkan prestasi pelaburan hartanah di negara lain setakat tahun 2013.

4.5 PAC membangkitkan tentang kemantapan pengurusan risiko KWSP untuk memastikan tiada pembaziran wang rakyat dan tiada ketirisan berlaku bagi menghasilkan pulangan yang dapat memberikan dividen kepada pencarum di samping mengembangkan dana sedia ada KWSP. PAC juga memaklumkan terdapat kebimbangan mengenai fokus KWSP yang banyak melabur di pasaran luar negara yang mungkin berisiko tinggi.

#### **4.6 Keterangan Oleh KWSP**

4.6.1 Ketua Pegawai Eksekutif KWSP (KPE) menjelaskan seperti yang dinyatakan oleh PAC, KWSP telah membuat pelaburan dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Pelaburan tersebut juga selaras dengan Seksyen 26, Akta KWSP. Selain itu, pelaburan KWSP juga perlu mendapat kelulusan Panel Pelaburan KWSP yang telah dilantik oleh Menteri Kewangan di mana ahlinya adalah terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, tiga wakil profesional atau *independent* iaitu ahli perniagaan atau ahli *regulator* yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelaburan.

4.6.2 Panel Pelaburan KWSP mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pelaburan *iaitu Risk Management Committee of The Investment Panel* (RMC) untuk mengawasi had pelaburan dan menetapkan polisi pelaburan sama ada dalam pasaran tempatan atau luar negara. *Management Investment Committee* (MIC) pula ditubuhkan untuk menapis semua pelaburan atau cadangan yang diperakukan kepada Panel Pelaburan dan selepas itu akan dihantar kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk kelulusan.

4.6.3 KPE juga menerangkan mesyuarat Panel Pelaburan dilakukan setiap dua minggu manakala mesyuarat RMC diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun. KPE juga menjawab pertanyaan ahli jawatankuasa

mengenai pelantikan keahlian Panel Pelaburan secara tetap untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun setiap penggal melibatkan wakil Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia.

4.6.4 KPE menjelaskan matlamat KWSP untuk pengisytiharan dividen tahunan yang paling minimum pada kadar 2.5% selaras dengan Akta KWSP dan memastikan pulangan yang munasabah terhadap caruman ahli. Dalam memastikan pusingan pulangan, konsep pelaburan digunakan ialah 2% atas kadar inflasi meliputi pelaburan infrastruktur dan hartanah yang memberi pulangan jangka panjang yang lebih tinggi.

4.6.5 Seperti yang telah diaudit oleh Ketua Audit Negara, jumlah aset pelaburan pada tahun 2013 adalah RM586.60 bilion di mana sejumlah RM118.30 juta adalah pelaburan luar negara yang terdiri daripada pelaburan ekuiti sebanyak 16.7%, pinjaman dan bon sebanyak 2.4% dan hartanah serta infrastruktur sebanyak 1.1%.

4.6.6 KPE menerangkan justifikasi mengenai pelaburan luar negara adalah merangkumi faktor diversifikasi pelaburan yang bertujuan mengelakkan *asymmetrical risk* sekiranya berlaku kejatuhan pasaran. Selain itu, faktor perbezaan pertumbuhan aset KWSP dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menunjukkan perkembangan aset KWSP yang lebih tinggi serta sebagai strategi meningkatkan pulangan pelaburan dan isu kecairan aset.

4.6.7 KPE turut menjelaskan pelaburan hartanah di Australia melibatkan pulangan dari segi penyewaan hartanah secara jangka panjang oleh penyewa korporat yang bergred tinggi. Selain itu, Australia merupakan salah satu negara yang mempunyai rekod pertumbuhan pembangunan yang tinggi dan memberikan kadar *risk free* yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh OPR Bank Negara.

4.6.8 KPE memaklumkan strategi pelaburan di Australia adalah melalui tiga kaedah iaitu pelaburan usaha sama, pelaburan melalui syarikat subsidiari KWASA Australia Trust Ltd. (*co-investment*) dan pelaburan melalui pengurus dana.



4.6.9 PAC membangkitkan pertanyaan mengenai kemungkinan berlaku transaksi tidak sah secara perundangan antara KWSP dan pihak broker dilantik yang mendapat komisyen daripada transaksi berkenaan serta kepentingan peribadi. KPE menjelaskan sebarang pertikaian mengenai kepentingan peribadi akan dibentangkan Panel Pelaburan untuk tindakan lanjut.

4.6.10 PAC telah menanyakan mengenai pelaburan di Singapura yang telah meningkat dalam tahun 2013 walaupun pulangan adalah rendah. KPE memaklumkan bahawa peningkatan adalah disumbangkan oleh pelaburan secara usaha sama bagi pembangunan Pusat Tanjung Pagar di Singapura. Pulangan pelaburan masih rendah disebabkan masih di peringkat pembangunan.

4.6.11 PAC membangkitkan persoalan mengenai ketiadaan pelaburan dalam negara Asean. KPE memaklumkan terdapat pelaburan secara signifikan telah dibuat di Indonesia, Thailand, Filipina, Taiwan, Hong Kong, Jepun dan Korea.

4.6.12 PAC juga membangkitkan mengenai jumlah pelaburan KWSP dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC). KPE memaklumkan KWSP mempunyai saham secara signifikan dalam agensi korporat seperti Sime Darby dan Axiata.

4.6.13 PAC menanyakan mengenai pelaburan hartanah domestik secara usaha sama dengan Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB) di tanah RRI, Sungai Buloh. KPE memaklumkan mengenai pemilikan hartanah di Sungai Buloh adalah sama seperti pemilikan pasar raya besar Giant dan bangunan Sogo serta pemilikan hartanah domestik yang dibuat bagi menangani isu inflasi. Di samping itu, KWSP hanya memiliki satu kawasan parcel tanah untuk pembinaan ibu pejabat syarikat korporat berskala besar dan tidak terlibat secara langsung dalam pembangunan hartanah tersebut. KWSP merupakan pemegang saham terbesar dalam MRCB dan pemilikan saham adalah yang antara yang terkecil berbanding dalam agensi korporat seperti SP Setia dan IOI Properties.

4.6.14 Pengerusi Jawatankuasa Audit KWSP juga memaklumkan KWSP hanya mengisytiharkan dividen berdasarkan keuntungan realis seperti yang dinyatakan oleh Akta KWSP. Selain itu, Jawatankuasa Audit berperanan memastikan kos dan pendapatan pelaburan diakaunkan dengan betul.

## **5. Rumusan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC):**

PAC berpuashati dengan penjelasan yang diberikan mengenai pengurusan dan prosedur pelaburan hartanah KWSP di luar negara khususnya di Australia. Secara keseluruhannya, PAC juga mendapati urus tadbir pengurusan pelaburan khususnya mengenai operasi, fungsi dan pengurusan risiko mengikut prosedur dan rantaian pematuhan yang telah ditetapkan dalam KWSP untuk memastikan bahawa kemungkinan berlaku kerugian pelaburan dapat dikurangkan.

## **Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara**

**RUMUSAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

<b>PARA</b>	<b>RUMUSAN</b>
5.0	<p>PAC berpuashati dengan penjelasan yang diberikan mengenai pengurusan dan prosedur pelaburan hartanah KWSP di luar negara khususnya di Australia. Secara keseluruhannya, PAC juga mendapati urus tadbir pengurusan pelaburan khususnya mengenai operasi, fungsi dan pengurusan risiko mengikut prosedur dan rantai pematuhan yang telah ditetapkan dalam KWSP untuk memastikan bahawa kemungkinan berlaku kerugian pelaburan dapat dikurangkan.</p>

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 20/2014 PADA RABU 11 JUN 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**


<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<p style="text-align: center;"><b>11 Jun 2014 (Rabu)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>10.30 pagi</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara</b></p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kementerian Kewangan</b></li><li>• <b>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja</b></li></ul>

# LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 20/2014 Pada Rabu 11 Jun 2014

**Bil. 20**

**Rabu  
11 Jun 2014**



**MALAYSIA**

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara**  
Kementerian Kewangan  
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA**



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 11 JUN 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Puan Ong Swee Leng [Pengarah (Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)]  
Encik Toha bin Sharif [Timbalan Pengarah (Sektor Badan Berkanun Persekutuan)]  
Puan Nor Hasimah Rahmat [Ketua Penolong Pengarah]  
Puan Zarina Md. Sidek [Penolong Pengarah Audit]  
Puan Shireeta Mohd Arifin [Penolong Pengarah Audit]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Encik Dzulhilmil Zulkarnain [Ketua Penolong SUB (Kawalan & Pemantauan)]  
Encik Hazim Jamaluddin [Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik]  
Puan Suzilawaty Shuib [Ketua Penolong Setiausaha]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mohd Azraie bin Harun [Ketua Unit Integriti]

**Unit Perancang Ekonomi**

Encik Azlan Abdul Rashid [Timbalan Pengarah (Seksyen Makro)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan**

YBhg Dato' Fauziah Yaacob [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

**Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Tuan Haji Md. Jafar Abdul Carrim [Ahli Lembaga Pengarah]  
YBhg Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan [Ketua Pegawai Eksekutif]  
Dato' Ibrahim bin Taib [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)]  
Encik Mohamad Nasir Ab. Latif [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan)]  
YM Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan & Pengurusan Strategi)]  
Encik Sazaliza bin Zainuddin [Pengurus Besar Kanan (Jabatan Kewangan)]  
Encik Badrul Hisham bin Dahalan [Pengurus Besar (Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi)]  
Encik Jamal Isnen Hadziri [Timbalan Pengurus (Jabatan Kuantitatif & Analisa Prestasi)]  
Puan Nik Nur Hasreni Nik Hassan [Pejabat Ketua Pengarah]  
Encik Ahmad Fauzi Kamarudin [Jabatan Komunikasi Korporat]  
Cik Ng Say Fen [Penolong Pengurus Komunikasi Korporat]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Rabu, 11 Jun 2014****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.55 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Jawatankuasa PAC dan juga wakil daripada Jabatan Audit Negara dan wakil-wakil kementerian. Selamat pagi dan selamat datang ke Mesyuarat PAC pada pagi ini. Ada satu perkara sebelum kita mulakan Mesyuarat saya hendak maklumkan, saya sudah mengeluarkan surat untuk panggil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk datang ke PAC pada 19 hari bulan ini khusus untuk membincangkan isu subsidi diesel yang baru-baru ini hangat di dalam *press*.

Oleh kerana ia hangat di dalam *press*, kita pun kena mulakan prosiding walaupun Jabatan Audit Negara belum lagi mengadakan audit secara keseluruhan.

**■1120**

Jadi saya minta Jabatan Audit Negara kalau boleh apa-apa kajian yang telah dibuat sebelum ini berkenaan dengan isu subsidi diesel ini iaitu secara keseluruhan dari segi strukturnya, dari segi dasarnya bagaimana dan juga dari segi *internal control* bagaimana isu penyeludupan ataupun penyelewengan diesel ini boleh terus berlaku. Mungkin ada kelemahan dari segi *internal control* yang perlu diatasi. Mungkin kita perlu lihat kepada struktur diesel ini secara keseluruhan.

Saya rasa MOF pun memang agak kluatir juga kerana ketirisan daripada subsidi diesel ini bukan puluhan juta, tetapi sudah masuk kepada bilion sekarang ini. Jadi, elok juga kalau kita memulakan. Saya cadang kita mulakan minta mereka beri penerangan, tetapi kita sambung jika perlu sebab banyak agensi yang terlibat. Ada KPDNKK, MOA yang terlibat dengan diesel penilaian, selepas itu polis juga bahagian penguatkuasaannya, kastam juga iaitu maknanya banyak ketirisan di sempadan. Jadi saya mencadangkan kita buat prosiding pada 19 hari bulan, hari terakhir Parlimen.

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian, Jabatan Audit Negara]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Itu perlu panggilkah? Memang mereka terlibat?

**Encik Rosli bin Yaakub:** Ini kerana bagi saya *distribution* diesel itu banyak kepada NEKMAT. NEKMAT yang jual kepada pembeli-pembeli. Jadi di situ ada ketirisan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Saya nampak ada dari segi peningkatan pengeluaran lesen laut dalam ini. Peningkatan pengeluaran lesen... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Panggil NEKMAT dengan LKIM sekali untuk mereka bantu dia punya KSU. Jadi, hendak maklumkan sekali lagi juga pada minggu hadapan kita akan panggil, hari Selasa... *[Disampuk]* Tidak, hari Selasa dahulu. Hari Khamis 19 hari bulan, LKIM fasal isu diesel. Pada hari Selasa sebelum itu kita akan panggil JKR mengenai isu Lebuhraya Pantai Timur. Hari Rabu kita akan panggil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga pasal isu Empangan Paya Peda di Terengganu dan pada hari Isnin nanti Jabatan Audit Negara akan mengadakan pembentangan Laporan Prestasi Audit Siri Kedua. Jadi, minggu hadapan kita penuh jugalah kita punya *schedule*. Ini kerana saya hendak kejar kalau boleh kita dapat seberapa banyak kerja yang boleh sebelum puasa dan raya, kita boleh hilang hampir dua bulan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Isnin, Selasa penuh. Isnin, Selasa, Rabu, Khamis?

**Tuan Pengerusi:** Isnin, Selasa, Rabu, Khamis. Jadi, tanpa melengahkan masa lagi, pada hari sebenarnya kita bermesyuarat untuk berbincang mengenai pengurusan pelaburan hartanah luar negara yang melibatkan Kementerian Kewangan dan juga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sebenarnya tujuan kita panggil pada hari ini pun adalah untuk EPF memberikan penerangan lebih lanjut mengenai operasi mereka khususnya ditumpukan kepada *risk management* iaitu pengurusan risiko yang dipakai oleh EPF untuk memastikan bahawa kemungkinan kerugian kepada pelaburan mereka tidak berlaku. Tujuan kita panggil EPF ini bukan fasal mereka ada masalah tetapi cuma kita hendak meninjau lebih dalam lagi mengenai apa fungsi EPF.

Jadi, kalau tidak ada apa-apa lagi, kalau boleh saya minta Jabatan Audit Negara beri kita sedikit *background* dan juga kalau ada apa-apa soalan yang perlu ditimbulkan.

**Puan Ong Swee Leng [Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih. Selamat pagi, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, wakil-wakil daripada kementerian dan jabatan, tuan-tuan dan puan-puan.

Seperti dimaklumkan, sesi ini adalah berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di mana Jabatan Audit telah pun menjalankan pengauditan pada bulan Ogos sampai November 2013 terhadap pelaburan hartanah luar negara terutamanya di Australia. Laporan telah pun dimasukkan dalam Siri 1 tahun 2013 dan kita dapati bahawa pengurusan berkaitan dengan pelaburan hartanah luar negara, Australia ini adalah baik. Walau bagaimanapun, ingin memberi sedikit berkaitan dengan pengurusan hartanah itu di mana EPF ada satu alokasi aset strategi yang merangkumi beberapa jenis pelaburan yang boleh dilabur iaitu dalam ekuiti, pinjaman bon, sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon sama taraf, hartanah dan infrastruktur serta instrumen pasar wang.

Bagi pelaburan hartanah di luar negara, EPF telah pun melabur di empat negara iaitu United Kingdom, Australia, Singapore dan Eropah dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.46 bilion sehingga

tahun 2013 seperti di dalam slaid itulah. Pengurusan atau pecahan berkaitan dengan pelaburan yang dibuat terhadap hartanah luar negara atau pelaburan di KWSP adalah hartanah dan infrastruktur. Dalam tahun 2013 is RM14.36 bilion, instrumen pasar wang RM13.06 bilion, ekuiti RM252 bilion, pinjaman dan bon RM154 bilion and sekuriti Kerajaan Malaysia RM153 bilion. *Up to the investment*, pendapatan pelaburan secara kasar, kita dapati bahawa jumlah yang diperoleh adalah RM35 bilion.

*This is the update of the first quarter for 2014* mengenai pelaburan KWSP di mana jika dibandingkan dengan tahun 2013, meningkat sebanyak 1.77%. Berkaitan dengan pendapatan pelaburan kasar KWSP *for the first quarter 2014*, didapati *first quarter is RM8.81 billion*.

Pengurusan pelaburan hartanah, kita lihat analisis pendapatan pelaburan kasar hartanah dan infrastruktur yang diterima tahun 2013 menunjukkan KWSP telah menerima pendapatan sebanyak RM1.14 bilion berbanding dengan pelaburan yang dibuat RM14.60 bilion. Pecahan adalah seperti dalam slaid di mana hartanah deposit 5.2%, hartanah luar negara 4% dan infrastruktur 21%.

■1130

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** / hendak tanya...

**Puan Ong Swee Leng:** Ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** Dari segi *risk management* ini but 7.9, 4.3 *international investment*, don't you think that the exposure is to thin? You know, it can actually be any change of currency, it might effect for that 7.9% or 4.3%, you invest at overseas. If you put that money in local, you not only stimulate the whole economic but you can also solve that problem. To the Audit Negara, what is the minimum yield that you should look at for international? It is because 7.9 and 4.3, why don't you do it in Malaysia? With so many exposure.

**Puan Ong Swee Leng:** Yang Berhormat, *regarding this question on what is the best return and risk management*, give...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Yang 7.9 itu domestic, bukan? It is 1.5, 3.9, 4.0, is it?

**Puan Ong Swee Leng:** *This one is the luar negara* punyalah. Australia is 4.3, ya. *Actually before they do any investment overseas, they have to get approval from the Minister. So, the Minister will give the approval and then it goes to the panel of the investment in EPF which comprises of MoF and Bank Negara and entry of other professionals peoples, inside. This group is supposed to do some new diligent regarding the investment that they are going to put in, see? So, I believe they have taken into consideration the risks involve on the due diligent portion, okay. So, but...*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Why you go and help to... *property market everywhere, when you can help here and their rattle effect is spread, you know? So, that is why I said – I mean we know they have got all the professional body but sometimes... Is it because they have 10%, they must go with the international? If 30% they must go with bon. So, because of that I am worried because they have that blanket, they are trying to make it up and they went into this kind of thing.*

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes, actually they have these policy – which we said just now, the asset allocation, strategy plan. How many percent you can invest and in what type of investment? So, they have this percentage involved and how they come out with that percentage is to their own research which they have to get approval from Treasury. I understand recently they applied because every three years they were review this plan.*

*So, recently they have applied to the Treasury for approval of the plan that Yang Berhormat is saying and Treasury has given kelulusan. It says that jumlah pelaburan luar negara KWSP sebanyak 26% daripada jumlah pelaburan terkumpul diluluskan dengan syarat pelaburan di luar negara dalam bidang yang tiada peluang dalam negara dan perlu membawa balik keuntungan luar negara supaya akaun semasa tidak terjejas. So, they have the clause down here where Treasury gives them the approval. So it is subject to that clause.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ... Clause itu kata tiada dalam negara?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Syarat melabur di luar negara dalam bidang yang tiada peluang dalam negara. Maybe it is a different type of investment. [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** *Ya, maybe we can ask them.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Akan tetapi tiada satu piawaian?*

**Puan Ong Swee Leng:** *No, we do not have.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** *Correct.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...The right investment in domestic...*

**Puan Ong Swee Leng:** *Tidak ada. That is why we based on their plan, whatever they have and see whether they complied to it because their plan has already been approved by Treasury. So, ours is more on compliance portion.*

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya Treasury sets their performance? Treasury set all the piawaian, dia punya benchmark semualah?*

**Puan Ong Swee Leng:** *No, they will come out with their plan first.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes but Treasury approve. Maknanya...*

**Puan Ong Swee Leng:** *Ya, then Treasury approved.*

**Tuan Pengerusi:** *Maknanya sudah jadi mereka punya KPI kan?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Ya.*

**Tuan Pengerusi:** *Adakah performance mereka rendah daripada KPI yang telah ditetapkan oleh MoF?*

**Puan Ong Swee Leng:** *So far yang kita tahu because there is a range, they have to go on that range. So far we see that range was not over budgeted.*

**Tuan Pengerusi:** *Not over budgeted?*

**Puan Ong Swee Leng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *No, no. We are more worried about it been below the...*

**Puan Ong Swee Leng:** *Below is okay, the only thing is that they cannot be...*

**Tuan Pengerusi:** *In that range, they are above minimum?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *They are below maximum?*

**Puan Ong Swee Leng:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *So, they actually working within the KPI.*

**Puan Ong Swee Leng:** *KPI. They are in the julat.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey. Tanya mereka.*

**Puan Ong Swee Leng:** *Actually one of the reason they told us why they have to invest oversea is more or less that local is saturated. So, they have to find returns from outside but maybe you can ask them.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Ong Swee Leng:** *That one 20% sahaja.*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir:** *I know but you make money on the development, not just a yield. Is that right or not? That one will be different because there are many – you made a lot of changes. You make money on development, you make money on the yield, bukan? Macam Australia they just buy building 4.3%. What I am just trying to say is it is better for you to invest here. You will and get 4.3%.*

**Puan Ong Swee Leng:** *Maybe that question is what... [Ketawa] Okay. So next, this is the break out in the countries concern, investment. Next, okay our conclusion regarding the investment overseas is quite a good return in the sense that pelaburan hartanah telah meningkat sebanyak 10% dan pendapatan juga telah meningkat sebanyak 91%. Kita dapati bahawa secara keseluruhan pengurusan hartanah di luar negara, di Australia adalah baik dan beri pulangan yang menguntungkan serta mencapai objektif pelaburan.*

*Next, I will show you some pictures on the investment that they have done oversea, yang ini yang di Australia. This one, Australia, Melbourne and Brisbane. Next, Melbourne and Canberra, these are mostly office building and warehouse. Next, okey yang ini dekat Australia juga, di Sydney dan Melbourne. Next, ini di UK. We did an audit in UK also, that was somewhere in July to September 2012. This is some of the office building and warehouse. Next, in UK. Retail and supermarket, this one is recently they bought a hospitals in UK on 2013 where they also invested in 12 hospitals so far, okay. That is all Tuan Pengerusi.*

[Saksi-saksi dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1140

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi Dato' Fauziah, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan, Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Encik Mohamad Nasir Ab. Latif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) untuk KWSP serta Tuan Haji Md. Jafar Abdul Carrim, Lembaga Pengarah KWSP serta Pengerusi Jawatankuasa Audit KWSP, pegawai-pegawai daripada KWSP, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan selamat datang ke mesyuarat PAC kita pada pagi ini.

Sebenarnya Dato' Fauziah, kita punya tujuan hendak panggil KWSP pada pagi ini adalah untuk hendak mendengar *the success story of* KWSP dalam menguruskan simpanan hari tua rakyat. Selalunya PAC ini kita panggil kerana ada masalah. Kali ini kita panggil kerana tidak ada masalah tetapi kita hendak mendapatkan penjelasan daripada KWSP dan Kementerian Kewangan mengenai peranan Kementerian Kewangan, peranan KWSP dalam menguruskan wang simpanan hari tua rakyat ini.

Perkara yang kita hendak tumpukan pada hari ini adalah mengenai struktur pengurusan sendiri. Maknanya struktur pengurusan KWSP dan juga apakah mekanisme pengawalan yang digunakan oleh Kementerian Kewangan terhadap KWSP. Mungkin rakyat tidak faham ya bahawa Kementerian Kewangan mempunyai mekanisme pengawalan yang secara langsung kepada KWSP. Kadang-kadang kita ingat bahawa Lembaga Pengarah KWSP memberi kuasa penuh tetapi sebenarnya bukan. Sebenarnya kerajaan ada juga main peranan dalam memastikan pengurusan KWSP ini.

Kedua kita hendak tahu sama ada pengurusan risiko dalam KWSP ini mantap yang akan memastikan bahawa wang rakyat tidak akan dibazirkan, tidak akan berlaku ketirisan dan juga dari segi *investment mix* nya itu akan menghasilkan satu pulangan yang cukup untuk hendak memberikan dividen kepada pencarum dan sekali gusnya mengembangkan lagi dana yang telah dikutip oleh KWSP ini. Saya pun difahamkan bahawa KWSP mengutip berpuluh bilion jugalah tiap-tiap bulan daripada pencarum baru yang menjadi sumber dan dana kepada KWSP untuk digunakan sebagai pelaburannya. Mungkin juga ini timbul masalah rakyat rasa macam wang KWSP ini macam skim Pak Man Telo jugalah pasal kalau rugi pun boleh *cover* balik dengan wang pencarum baru yang masuk.

Ini kerana di Malaysia ini kadar simpanan rakyat memang tinggilah. Saya tidak tahu dia punya jumlah rasmi tetapi kalau ekonomi Malaysia ini secara berjumlah katalah dalam RM1 trilion dia punya besarnya ekonomi kita. Maknanya kalau kadar simpanan kita 30% tiap-tiap tahun, kadar tabungan rakyat sebanyak RM300 bilion setahun yang menunjukkan bahawa rakyat kita memang suka menabung dan suka menyimpan duit. Ini juga menimbulkan masalah di mana mereka takut kalau ada pengurusan yang tidak baik atau kurang baik dari segi wang simpanan mereka yang akan menyebabkan KWSP sendiri tidak cukup - perkataan orang putihnya maknanya KWSP ini *is fully funded* atau tidak. Kalau soalan itu dapat dijawab, adakah KWSP segala liabilitinya boleh ditanggung oleh kekuatan cairan KWSP sendiri



tanpa wang baru yang masuk ini. Itu akan menunjukkan bahawa KWSP sebenarnya mantap dari segi pengurusannya.

Sekarang saya balik semula kepada isu yang ditimbulkan daripada Jabatan Audit Negara iaitu mereka telah mengaudit kepada portfolio pelaburan hartanah KWSP di luar negara. Baru-baru ini juga ada juga orang yang menimbulkan isu bahawa kenapa KWSP terlalu cepat sangat dan terlalu ghairah sangat untuk hendak melabur di luar negara. Kami juga faham bahawa KWSP perlu *diversify, you have to diversify your investment portfolio but at the same time we want to know whether the investment that has been made overseas is prudent investment, investment that will give higher return.*

Tadi ada Jawatankuasa PAC maklumkan kepada kami bahawa kenapa KWSP tidak melabur di Malaysia. Kenapa perlu melabur di luar negara yang akan mendatangkan risiko yang lebih tinggi kepada pelaburan di luar negara tersebut. Juga kenapakah pulangan yang dikehendaki oleh KWSP untuk melabur di dalam negara lebih tinggi pulangan yang diminta itu berbanding dengan pulangan yang dikehendaki daripada pelaburan di luar negara. Itu juga menimbulkan keraguan dan kalau boleh dapat dijawab sekalilah oleh Datuk serta pengurusan daripada KWSP. Jadi tanpa melengahkan masa lagi saya minta kalau boleh Datuk memperkenalkan pasukan Datuk dan memulakan taklimat kepada kami. Terima kasih.

**Dato' Fauziah Yaacob [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk dan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini. Saya Fauziah binti Yaacob mewakili Tan Sri KSP ke mesyuarat pagi ini. Beliau memohon maaf kerana beliau ada mesyuarat lain yang perlu dihadiri

■1150

Sukacita saya memperkenalkan wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan KWSP yang ada hadir pada pagi ini. Di sebelah saya ialah Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP dan Encik Mohamad Nasir Ab. Latif iaitu Timbalan CEO Pelaburan KWSP, Encik Hazim bin Jamaluddin iaitu Timbalan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan, Tuan Haji Md. Jafar Abdul Carrim iaitu Ahli Lembaga Pengarah KWSP, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan dan pegawai-pegawai kanan KWSP.

Seperti mana yang telah disentuh oleh Jabatan Audit Negara dalam Laporan Audit Negara pada kali ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Pelaburan KWSP dan Lembaga Pengarah KWSP dan juga setelah dibuat penelitian dan pulangan pelaburan serta mengambil kira risiko-risiko pelaburan yang akan dihadapi. Jadi, pada pagi ini untuk memberi maklum balas pada perkara yang dibangkitkan dan juga untuk memberi taklimat saya jemput CEO KWSP Datuk

Shahril untuk memberi taklimat beliau dan juga menjawab sekiranya ada persoalan yang membangkit daripada taklimat tersebut. Saya jemput Datuk.

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan]:** Terima kasih Dato'. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa. Pada pagi ini KWSP akan memperkenalkan isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan juga satu taklimat mengenai operasi dan *investment* yang dilakukan oleh KWSP. Agenda pada pagi ini yang pertama sekali, kita akan membuat satu taklimat berkaitan struktur tadbir urus untuk KWSP. Kemudiannya, untuk memperkenalkan pengurusan pelaburan di luar negara dan termasuk juga pelaburan hartanah di luar negara serta juga pelaburan hartanah Australia yang merupakan *subject matter* untuk *Auditor General*. Seterusnya kita akan memperkenalkan prestasi pelaburan suku tahun pertama 2014 untuk memberikan satu penggambaran yang jelas kepada Ahli-ahli Jawatankuasa mengenai *investment form in KWSP* dan akhirnya pencapaian utama operasi iaitu *service* yang kita lakukan untuk ahli-ahli kita serta juga para majikan di Malaysia.

Pertama sekali, dari segi struktur tadbir urus, *I think* Tuan Pengerusi *has pointed out* dari segi *approval* yang diperlukan KWSP membuat *investment* dengan *approval* daripada *Ministry of Finance*. Ini mengikut Akta KWSP terutamanya seksyen 26, Akta KWSP. Di mana dari segi pelaburan yang dilakukan itu di bawah naungan Panel Pelaburan KWSP. Panel Pelaburan KWSP yang dilantik oleh Menteri Kewangan mempunyai ahli-ahli yang telah pun diperkenalkan di bawah akta itu. Iaitu termasuk juga satu wakil daripada Kementerian Kewangan, satu wakil daripada Bank Negara Malaysia, tiga wakil profesional atau *independent* yang merupakan ahli-ahli perniagaan ataupun ahli-ahli *regulator* yang memang mempunyai *experience* dan *expertise* di dalam bidang pelaburan.

Dari segi struktur pelaburan kita ini Panel Pelaburan mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pelaburan iaitu *Risk Management Committee of the Investment Panel* yang mengawasi dari segi had-had atau limit kepada *investment* yang kita boleh buat. Selain itu ia juga yang menetapkan polisi dari segi risiko yang perlu diambil oleh KWSP dalam menentukan *investment* yang kita buat, sama ada di dalam negara ataupun di luar negara. Di bawah Panel Pelaburan kita ada satu *committee* iaitu *Management Investment Committee* iaitu satu jawatankuasa pengurusan yang akan menapis semua pelaburan ataupun menapis semua cadangan yang diperakukan kepada Panel Pelaburan. Sebelum dinaikkan ke Panel Pelaburan dan selepas Panel Pelaburan telah pun meluluskan cadangan tersebut ataupun *investment* yang telah pun diperakukan. Dia akan dinaikkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk kelulusan beliau.

**Tuan Pengerusi:** Mesyuarat ini berapa kali setahun?

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** Mesyuarat Panel Pelaburan dilakukan sekali setiap dua minggu. Memang kerap dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pelaburan sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan iaitu *every quarter*. Kita akan meneliti had limit kita dan akan

mengemaskinikan had-had risiko yang diperakukan kepada KWSP. Ini ialah struktur organisasi yang lebih mendalam.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tuan Pengerusi, *clarification*. Keahlian dia ini *permanent* ataupun *ad hoc committee*, keahlian untuk Panel Pelaburan?

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** Keahlian Panel Pelaburan telah ditetapkan di bawah Akta KWSP.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tidak, maksudnya ahlinya itu *permanent* ataupun...

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** Memang tetap. Biasanya Ahli-ahli Panel Pelaburan akan dilantik untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun setiap penggal.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Permanent member* ya?

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** *Permanent members*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Maknanya wakil MoF itu diwakilkan seorang, BNM pun sama ya?

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** Ya, sama juga.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *They attend meeting regularly right?*

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** *They attend every meeting if possible. We also allowed for video conferencing and phone conferences, if they are not able to attend in person he can attend by a teleconferencing.*

**Tuan Pengerusi:** *What level of representation, KSU, TKSU kah?*

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** Dari segi MoF adalah TKSU. *For Bank Negara Malaysia is a Deputy Governor. This is the more detail organization structure of KWSP as we can see yang dalam kotak merah itu that is the section that basically deal with investment di bawah Panel Pelaburan. Seperti yang saya telah berikan maklumat terlebih dahulu, kita ada Jawatankuasa Risiko di bawah Panel Pelaburan. Di bawah pengawasan saya ialah Timbalan KPE Bahagian Pelaburan iaitu Encik Mohamad Nasir Ab. Latif and under him is all the Investment Department which handle the different investment. Ini termasuk equity domestic, ekuiti luar negara, corporate market, property infrastructure, research and all the supporting function of investment.*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** *Risk Management Committee* ini siapa *Chairman* dia?

**Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan:** *The Risk Chairman Committee at the panel level the Chairman is Dato' Sri Nazir Razak, The CEO of CIMB. He is one of the panel members. The other members are the other two independent members of the panel, Mr. David Lau who is the ex CFO of Shell Malaysia and Datuk Azlan Hashim yang dahulunya Pengerusi Bursa Malaysia. Dari segi objektif dan sasaran strategik. Here, I will be explaining in English because it is quite complicated. Essentially, the way the EPF manages the fund of EPF, we actually look at our long term risk target. [Merujuk slaid] If we look on the right hand side, we have two very clear risk target that we looked at. The first basically is to make sure that the absolute dividend we declare every year is the minimal of 2.5%. Ini disebabkan di bawah Akta KWSP telah pun menetapkan bahawa KWSP mesti memenuhi matlamatnya untuk*

membayar dividen yang minimum iaitu 2.5% nominal setiap tahun. *So, that is the first and the most critical risk management that we looked at.*

Keduanya dari segi matlamat KWSP ialah untuk memastikan bahawa ada pulangan yang munasabah kepada simpanan member kita. *We looked at the real return. When we look at the real return, what we are targeting essentially is 2% above the rate of inflation on the rolling basis for over three years. So when you looked at basically how we structure the asset allocation is based on this two very critical risk principal. The first risk principal in terms of making sure we have at least 2.5% means we have to minimize the chances of us losing money in terms of our investment. So, because of that if you notice later I will show you, our asset allocation typically has a very high percentage of fix income. Mostly is government back fixed income as well high corporate credit rating fix income because we need to protect the principal of KWSP and also make sure we maintain at least the 2.5% dividend.*

*In order for us to achieve the second target which is to get the rolling return, what we called the 2% above the rate of inflation. We invest in equities, we invest in infrastructure and properties because this provide longer term higher returns while still maintaining basically affair money safety for us. We will go through the details of all the investment shortly but I will explain how we manage the rest portion of it. So, basically there are the two that we call the two main part of our risk management policy in terms of how we... structure the asset allocation. So, before I get into that, just a brief snap short in terms of our total asset allocation for KWSP as of today.*

#### ■1200

*At the end of 2013, this is the audited number by Auditor General as of last year, we had asset of RM586.6 billion in total. Of that, basically the amount invested overseas is about RM118.3 billion and if we look at the breakdown that RM118.3 billion the bulk of it is actually in global equities 16.7%. Pinjaman and bon which is basically fixed income instrument about 2.4%, RM13 billion. Property and infrastructure together is only RM6.46 billion or 1.1% of our total asset.*

*So, the total asset invest overseas is only about 20.2% of the total amount. This is inline with the approval given to the KWSP oleh Kementerian Kewangan yang telah pun menetapkan bahawa had limit yang diberikan kepada KWSP adalah supaya aset yang dilaburkan di luar negara tidak boleh melebihi 23% pada tahun 2013. Had itu telah pun dinaikkan semula for the next three years. We are now looking at a maximum of 26% going by 2016 as we increase our investment. So, if you look essentially like I said only 1.1% is actually in properties which are invested overseas.*

Dari segi justifikasi ataupun sebab-sebab kenapa KWSP terpaksa melabur di luar negara. *There are a few reasons. The first one, most important actually is diversification. What we looking at is in terms of risk management for KWSP and our asset. We have a very high risk kalau semua aset kita dilaburkan di dalam satu market sahaja iaitu Malaysia. So far the reason why we are doing the investment overseas is to essentially diversify market risk, actually we spread out between Malaysia which is still categories as emerging market among global investors with develop market. So we have high level of investment in develop market such as the US, UK, Europe, Japan, Australia and also the emerging market as well.*

*The reason for this is essentially is to prevent what we call asymmetrical risk, which means basically there are times during market cycle when one market effected worst than others. So, we have seen in the past katakan during the Asian crisis during 1998-1999, semasa global investors in the big sell down of Asian investment. The Asian market termasuklah Malaysia, semua telah menjunam and you remember the Malaysian market at time even Bursa went down to only 200 over points. So, part of the strategy yang kita buat ini ialah untuk mengelakkan that kind of asymmetrical risk. So, in the event basically that we have the situation again in the future whereby katakan Malaysia is sold down very heavily by foreign investors, we have excess overseas that allow us to capture return supaya kita boleh memberi pulangan yang munasabah kepada pelabur-pelabur kita.*

*The second one is basically is a fundamental issue iaitu perbezaan pertumbuhan aset KWSP dengan KDNK ataupun the GNP of the country. Kalau di lihat aset KWSP bertambah sebanyak 10% on average every years on the compounded basis. Ini adalah disebabkan oleh dua faktor. Satu iaitu penambahan caruman daripada member-member kita there is a net in flow of cash to the amount of roughly about RM18 billion per annum plus because of the structure in KWSP, we are reinvest all the income that we earn for the members.*

*Like last year, we make the income over RM30 billion we had to reinvest the income. So because of that, the asset of KWSP growth by 10% per annum but as you know the GNP of Malaysia right now is growing at between 4% to 5% insya-Allah maybe 6% in a better cycle. We have an excess capacity dari segi our ability to invest in Malaysia. If you want to maintain the same risk level. So we look at Malaysia what we are investing typically are fairly low risk investment either in government securities, high credit rating corporate bon, we invest in blue-chip equities. We do not want to reduce our risk threshold to put money into risky investment, because it does not meet our risk criteria.*

*So because of that we find equivalent asset overseas which provide us with the same amount of risk return. So katakan walaupun kita invest in equity luar negara, we invest in very high grade equities. So for instance we are no shareholders of things like Procter & Gamble, shareholders of thing like Coca Cola. Basically all the blue chips globally. Equity markets globally as you know are much bigger and deeper than Malaysia market. Therefore it gives us an opportunity to get the right level of risk return in terms of our investment without taking on the additional risk. Katakan kita terpaksa...*

